



S A R A W A K

**PENYATA RASMI PERSIDANGAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI**

Sarawak State Legislative Assembly Official Reports and Debates

**MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KETIGA
First Meeting of the Third Session**

06 – 15 MEI 2024

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS
Nineteenth Sarawak State Legislative Assembly**

ISNIN

06 MEI 2024

(27 SYAWAL 1445H)

KUCHING

Peringatan untuk Ahli Dewan:

Pembetulan yang dicadangkan oleh Ahli Dewan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak lewat daripada **14 hari selepas persidangan.**

KANDUNGAN

1.0	BACAAN PERISYTIHARAN MESYUARAT.....	1
2.0	PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER.....	1
3.0	UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK.....	
	Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak (<i>Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar</i>).....	2
4.0	PENANGGUHAN MESYUARAT.....	9
5.0	LAPORAN-LAPORAN, ‘COMMAND PAPERS’, ‘HANSARD’ DAN ‘VOTES AND PROCEEDINGS’ YANG DIBENTANG PADA 06 MEI 2024	

SARAWAK
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS

Penyata Rasmi

MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KETIGA

Isnin, 6 Mei 2024

Dewan bermesyuarat di Petra Jaya, Kuching pada pukul 10.26 pagi

HADIR

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar P.S.M., D.A., P.N.B.S., D.S.A.P., D.I.M.P., P.B.K., P.C.E. (Emas) <i>Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	
2.	Yang Berhormat Dato Haji Idris bin Haji Buang P.S.B.S., D.I.M.P., A.M.N., P.B.S., A.B.S., P.C.D., P.J.P.N., P.T.E. <i>Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	<i>N.16 Muara Tuang</i>
3.	Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg D.P., P.M.N., D.A., P.N.B.S., J.B.S., P.C.E. <i>Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar</i> <i>Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar</i>	<i>N.26 Gedong</i>
4.	Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua</i> <i>Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan</i>	<i>N.37 Bukit Saban</i>
5.	Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua</i> <i>Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan</i>	<i>N.82 Bukit Sari</i>
6.	Yang Berhormat Datuk Amar Dr Sim Kui Hian D.A., P.N.B.S., P.J.N., P.B.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan</i>	<i>N.14 Batu Kawah</i>
7.	Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti</i>	<i>N.56 Dalat</i>
8.	Yang Berhormat Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom P.N.B.S., P.J.N., A.B.S., P.B.E., P.C.E. <i>Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah</i>	<i>N.69 Kemena</i>

9. Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah
P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., P.B.E.
*Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan
Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan* N.15 Asajaya
10. Yang Berhormat Dato Sri Lee Kim Shin
P.N.B.S., P.J.N., K.M.N., P.B.S., P.P.B., B.B.S., P.B.E.
Menteri Pengangkutan N.75 Senadin
11. Yang Berhormat Dato Sri John Sikie anak Tayai
P.N.B.S., P.J.N., P.B.S., P.B.E.
Menteri di Jabatan Premier N.60 Kakus
12. Yang Berhormat Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi
P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., K.M.N., P.P.D., P.B.E.
Menteri Utiliti dan Telekomunikasi N.27 Sebuyau
13. Yang Berhormat Dato Sri Roland Sagah Wee Inn
P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.K., P.B.S., P.B.E.
Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat N.20 Tarat
14. Yang Berhormat Datuk Gerawat Gala
P.G.B.K., P.S.B.S., P.B.K.
*Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Buruh, Imigresen dan
Pemantauan Projek)* N.78 Mulu
15. Yang Berhormat Datuk Francis Harden anak Hollis
P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., P.B.E.
*Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat
(Pembangunan Bakat)* N.32 Simanggang
16. Yang Berhormat Datuk Dr Jerip anak Susil
P.G.B.K., A.M.N., P.B.E.
Timbalan Menteri Pengangkutan (Penerbangan dan Jalan Raya) N.19 Mambong
17. Yang Berhormat Datuk Liwan Lagang
P.J.N., P.P.N., K.M.N., J.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Telekomunikasi) N.65 Belaga
18. Yang Berhormat Datuk Hajah Rosey binti Haji Yunus
P.G.B.K., J.B.K., P.P.B., P.P.S., P.T.E., P.B.E.
*Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan
Kesejahteraan Komuniti (Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak)* N.71 Bekenu
19. Yang Berhormat Datuk Haji Len Talif Salleh
P.G.B.K., D.J.B.S., P.B.K., P.P.B.
*Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan
Alam Sekitar* N.41 Kuala Rajang
20. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi
P.G.B.K., J.B.S., A.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti) N.4 Pantai Damai

21. Yang Berhormat Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali
P.G.B.K., P.T.E., J.B.S.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) N.7 Samariang
22. Yang Berhormat Datuk Dr Malcolm Mussen anak Lamoh
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan N.34 Batang Ai
23. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail
P.G.B.K., A.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) N.79 Bukit Kota
24. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) N.55 Nangka
25. Yang Berhormat Datuk Dr Penguang Manggil
P.G.B.K., D.J.B.S., K.M.N., P.P.C., P.P.B., P.P.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kerajaan Tempatan) N.76 Marudi
26. Yang Berhormat Datuk Snowdan Lawan
P.G.B.K., A.M.N., P.T.E.
Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Industri Kreatif dan Seni Persembahan) N.30 Balai Ringin
27. Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Saidol
P.G.B.K., K.M.N., J.B.K., P.T.E.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Hal Ehwal Korporat dan Unit Komunikasi Awam Sarawak) N.42 Semop
28. Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting Chiew Yew
P.J.N., D.I.M.P., A.B.S.
Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Pelancongan) N.73 Piasau
29. Yang Berhormat Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) N.24 Sadong Jaya
30. Yang Berhormat Datuk Dr Ripin bin Lamat
P.G.B.K., J.B.K., K.M.N., P.T.E.
Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Usahawan) N.72 Lambir
31. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni
P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar N.5 Demak Laut

32. Yang Berhormat Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Komoditi & Pembangunan Wilayah) N.22 Kedup
33. Yang Berhormat Datuk Ricky @ Mohammad Razi bin Sitam
P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Kesejahteraan Komuniti) N.35 Saribas
34. Yang Berhormat Dato Henry Harry anak Jinep
P.S.B.S., A.B.S.
Timbalan Menteri Pengangkutan (Sungai dan Laut) N.2 Tasik Biru
35. Yang Berhormat Dato' Murshid DiRaja Dr Juanda bin Jaya
P.G.B.K., DATO' MURSHID DIRAJA, S.S.P.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Integriti dan Ombudsman) N.44 Jemoreng
36. Yang Berhormat Dato Gerald Rentap Jabu
P.S.B.S., A.B.S., P.P.N., J.B.K.
Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Belia dan Sukan) N.36 Layar
37. Yang Berhormat Dato Majang anak Renggi
P.S.B.S., P.B.K., A.B.S.
Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Pelabuhan) N.70 Samalaju
38. Yang Berhormat Datuk Jefferson Jamit anak Unyat
P.G.B.K., B.B.S., P.B.S., K.M.N., J.B.S.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera) N.63 Bukit Goram
39. Yang Berhormat Datuk Michael Tiang Ming Tee
P.G.B.K., P.B.S.
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan) N.54 Pelawan
40. Yang Berhormat Dato Ibrahim bin Baki
A.B.S., J.B.S., P.S.B.S. N.8 Satok
41. Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii
D.I.M.P., S.S.A.P. N.45 Repok
42. Yang Berhormat Tan Sri William Mawan anak Ikom
P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. (Emas) N.47 Pakan
43. Yang Berhormat Datuk Mong anak Dagang
P.G.B.K., J.M.N., P.B.S., P.P.D., P.B.K., P.B.E. N.31 Bukit Begunan
44. Yang Berhormat Dato Paulus Palu Gumbang
P.S.B.S., A.M.N., P.B.S., J.B.K., P.T.E. N.80 Batu Danau
45. Yang Berhormat Dato Dennis Ngau
P.S.B.S., J.B.S., P.B.S., P.T.E., B.B.S. N.77 Telang Usan

- | | | |
|-----|--|--------------------------|
| 46. | Yang Berhormat Tuan Haji Razaili bin Haji Gapor
P.T.E., P.B.S. | <i>N.29 Beting Maro</i> |
| 47. | Yang Berhormat Datuk Ding Kuong Hiing
P.J.N., A.B.S. | <i>N.46 Meradong</i> |
| 48. | Yang Berhormat Encik Chong Chieng Jen | <i>N.9 Padungan</i> |
| 49. | Yang Berhormat Puan Violet Yong Wui Wui | <i>N.10 Pending</i> |
| 50. | Yang Berhormat Encik See Chee How | <i>N.11 Batu Lintang</i> |
| 51. | Yang Berhormat Dato Ir. Lo Khare Chiang
P.S.B.S., B.B.S., J.B.K. | <i>N.13 Batu Kitang</i> |
| 52. | Yang Berhormat Encik Wilson Nyabong anak Ijang
A.M.N., K.M.N., J.B.S. | <i>N.61 Pelagus</i> |
| 53. | Yang Berhormat Dato Sri Wong Soon Koh
P.N.B.S., P.G.B.K., A.B.S., P.C.E. | <i>N.53 Bawang Assan</i> |
| 54. | Yang Berhormat Encik Miro anak Simuh
P.B.S. | <i>N.18 Serembu</i> |
| 55. | Yang Berhormat Encik John anak Ilus
P.B.S., A.P.S. | <i>N.23 Bukit Semuja</i> |
| 56. | Yang Berhormat Encik Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman
J.B.K., P.B.S. | <i>N.6 Tupong</i> |
| 57. | Yang Berhormat Encik Awla bin Dris
P.B.S., A.B.S. | <i>N.25 Simunjan</i> |
| 58. | Yang Berhormat Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang
P.B.K. | <i>N.59 Tamin</i> |
| 59. | Yang Berhormat Encik Rolland Duat anak Jubin | <i>N.48 Meluan</i> |
| 60. | Yang Berhormat Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi
B.B.S., A.B.S., K.M.N., J.B.K. | <i>N.58 Balingian</i> |
| 61. | Yang Berhormat Encik Safiee bin Haji Ahmad
J.B.K., P.P.B. | <i>N.43 Daro</i> |
| 62. | Yang Berhormat Encik Kennedy Chukpai Ugon
J.B.S., P.P.N., A.B.S. | <i>N.66 Murum</i> |
| 63. | Yang Berhormat Encik Allan Siden Gramong
P.B.S., A.B.S. | <i>N.50 Machan</i> |
| 64. | Yang Berhormat Encik Mohd Chee bin Kadir
A.B.S., P.B.S., P.J.P.N., J.B.S. | <i>N.40 Kabong</i> |
| 65. | Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Haji Brahim
A.M.N., P.M.W. | <i>N.17 Stakan</i> |

66.	Yang Berhormat Encik Adam Yii Siew Sang A.B.S.	<i>N.74 Pujut</i>
67.	Yang Berhormat Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor P.B.S.	<i>N.28 Lingga</i>
68.	Yang Berhormat Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada A.B.S., P.B.S., K.M.N.	<i>N.21 Tebedu</i>
69.	Yang Berhormat Encik Billy anak Sujang P.B.S., P.P.B.	<i>N.1 Opar</i>
70.	Yang Berhormat Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan P.B.S.	<i>N.3 Tanjong Datu</i>
71.	Yang Berhormat Encik Yap Yau Sin P.B.S., K.M.N.	<i>N.12 Kota Sentosa</i>
72.	Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Duri P.B.K., A.B.S.	<i>N.38 Kalaka</i>
73.	Yang Berhormat Encik Johnichal Rayong anak Ngipa J.B.S., P.T.E.	<i>N.33 Engkilili</i>
74.	Yang Berhormat Encik Baru Bian	<i>N.81 Ba'Kelalan</i>
75.	Yang Berhormat Encik Friday anak Belik A.B.K., P.P.S., P.P.B., P.B.K., P.P.C.	<i>N.39 Krian</i>
76.	Yang Berhormat Encik Anyi anak Jana P.B.K.	<i>N.49 Ngemah</i>
77.	Yang Berhormat Encik Chieng Jin Ek P.B.S.	<i>N.51 Bukit Assek</i>
78.	Yang Berhormat Encik Royston bin Valentine J.B.K., A.B.S.	<i>N.57 Tellian</i>
79.	Yang Berhormat Encik Lidam anak Assan P.B.S.	<i>N.62 Katibas</i>
80.	Yang Berhormat Encik Nicholas Kudi anak Jantai P.B.S.	<i>N.64 Baleh</i>
81.	Yang Berhormat Encik Johnny Pang Leong Ming P.B.S.	<i>N.68 Tanjong Batu</i>
82.	Yang Berhormat Encik Iskandar bin Turkee	<i>N.67 Jepak</i>

TIDAK HADIR

(Kebenaran di bawah Peraturan Mesyuarat 81)

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Dato Sri Tiong King Sing P.J.N., P.N.B.S., D.P.M.K., D.P.M.K., S.S.S.A., D.S.S.A., J.P.	<i>N.52 Dudong</i>

TURUT HADIR

1. Encik Nur Azhar bin Bujang
Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
2. Encik Abang Mohammad Adib bin Abang Sallehadin
Pemangku Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
3. Inspektor Ahmad Khairul Aiman bin Hassan
Bentara Mesyuarat
4. Encik Abang Nasiruddin bin Abang Mohd Khalid
Bentara Mesyuarat
5. Encik Lydwilkyn Andar anak Umbau
Bentara Mesyuarat
6. Encik Hadyan bin Abd Rahman
Bentara Mesyuarat
7. Encik Mohd Saiful bin Ahmad Zaidi
Bentara Mesyuarat
8. Encik Dylan Tan Hock Ming
Bentara Mesyuarat
9. Encik Nizle anak Junep
Bentara Mesyuarat

PETUGAS PERSIDANGAN

PEGAWAI UNDANG-UNDANG DAN PEMBACA PRUF

1. Encik Simson Sim Zhao Yao *Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak*
2. Cik Vanessa anak Jawa *Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak*

PEMBACA PRUF

1. Puan Dorensia Dyonie Dominic *Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak*
2. Encik Chiew Serit *Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak*

JURUTRENGKAS

1. Puan Sharlina binti Mushar *Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri*
2. Puan Malin anak Arit *Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri*
3. Puan Bernadette Willon *Jabatan Kastam Diraja Malaysia*
4. Puan Katerin Jemali @ Maria Jamali *Dewan Bandaraya Kuching Utara*
5. Puan Doris anak Francis Harris *Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)*
6. Puan Meri Sabas *Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)*
7. Puan Ratna Airnwati binti Haji Md. Junaidi *Perbadanan Pembangunan Perumahan*
8. Puan Sabtuyah binti Adeng *Perbadanan Pembangunan Perumahan*
9. Puan Nori Othman *Perbadanan Pembangunan Perumahan*
10. Puan Mariana binti Brahim *Perbadanan Pembangunan Perumahan*
11. Puan Zuriawati binti Mohd Laili *Pustaka Negeri Sarawak*
12. Encik Azhwan bin Bujang *Regional Corridor Development Authority*
13. Encik Mohd Alfadjer bin Tuah *Pejabat Residen Bahagian Kuching*
14. Puan Pauline anak Bunin *Penjara Puncak Borneo*
15. Puan Dorina Asort *Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak*
16. Puan Florence Jalong *Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak*
17. Puan Leidiana binti Azahari *Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak*
18. Puan Noor Afifah binti Bahaudin *Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak*
19. Puan Dayang Duraiza binti Haji Awang Jangka *Lembaga Sumber Asli & Alam Sekitar Sarawak*

- | | | |
|-----|-----------------------------------|---|
| 20. | Puan Margaret anak Francis Bohui | <i>Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak</i> |
| 21. | Puan Anieta Sylvester Pungga | <i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</i> |
| 22. | Puan Juliana Lugom | <i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</i> |
| 23. | Puan Rosemary Langub | <i>Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak</i> |
| 24. | Puan Derna anak Johin | <i>Unit Pemantauan Pelaksanaan Sarawak, Jabatan Premier Sarawak</i> |
| 25. | Puan Azah Mohamad Jally | <i>Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak</i> |
| 26. | Puan Rosline anak Dominic Maon | <i>Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak</i> |
| 27. | Puan Nur Izzatul Fatimah Abdullah | <i>Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak</i> |
| 28. | Puan Nurhaida binti Amin | <i>Jabatan Penyiaran Kawasan Sarawak, Jabatan Penyiaran Negeri Sarawak</i> |
| 29. | Puan Valarie Jane anak Aitman | <i>Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri</i> |

JURURAKAM PERSIDANGAN

- | | | |
|----|--------------------------------------|----------------------------------|
| 1. | Puan Nordiana binti Rabaee | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |
| 2. | Encik Hussein bin Shuini | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |
| 3. | Encik Vong Choon Chan | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |
| 4. | Encik Wan Mohamad Zaki bin Wan Alias | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |

JURUCETAK

- | | | |
|----|--------------------------------------|--|
| 1. | Encik Mohamad Nor Majidi bin Marekan | <i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i> |
| 2. | Encik Vincent Vyner ak Tubom | <i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i> |

JURUTEKNIK IT

- | | | |
|----|-------------------------------------|--------------|
| 1. | Encik Abang Hasmadi bin Abang Wahab | <i>SAINS</i> |
| 2. | Encik Alan Chai | <i>SAINS</i> |
| 3. | Puan Kartini binti Asman | <i>SAINS</i> |

MESSENGER

- | | | |
|----|--|---|
| 1. | Encik Mohamad Zahari bin Hamden | <i>Jabatan Agama Islam Sarawak</i> |
| 2. | Encik Helmy bin Abdul Rahman | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 3. | Encik Shah Riwandya Sia bin Ridzuan | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 4. | Encik Mohammad Zaidi bin Rambli | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 5. | Encik Edry Saiful bin Abdul Hamid | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 6. | Encik Lawrence Encharang | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 7. | Encik Mohamed Nazeerudin bin Gulam Mohamed | <i>Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</i> |
| 8. | Encik Fadillah bin Lokman | <i>Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching</i> |

SEKRETARIAT PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

1. Cik Noria binti Suut
2. Puan Nur Azira binti Abdul Kadir
3. Encik Nurkhairudin bin Osen
4. Puan Rabiah binti Abdul Kadir
5. Puan Aisha Parveen binti Badron
6. Cik Genang anak Timbung
7. Puan Siti Norhiza binti Mohammad Yusri

8. Puan Hanisah Abdullah
9. Cik Siti Halimah binti Mohamad Nawawi
10. Cik Nurhaffizah Abdullah
11. Puan Natasha Nadia binti Mohd. Saidi
12. Puan Angela Lisa anak Mathew Linol
13. Encik Felix Aaron anak Michael
14. Cik Calista Abbie anak Sapa @ Patrick Sapa
15. Cik Sharina binti Sopian
16. Puan Norziana binti Haji Ahmad
17. Encik Mohd Hasfia bin Abdullah
18. Puan Nur Eliana Abdullah
19. Puan Nazmah binti Darham
20. Puan Tracy Lyana anak Bana
21. Encik Mohd Zulkhairi bin Mohammad Hejemi
22. Puan Dayang Nazira binti Abang Martaza
23. Puan Jasmine Sinja anak Robinson
24. Puan Dayang Noorazilla binti Jasni
25. Cik Parcelia Renyelia anak Pamg
26. Cik Nur Zafirah binti Affendy Michael
27. Puan Deidre anak Wilson
28. Encik Muhammad Elliyas bin Matali
29. Cik Siti Nur Marsitah binti Roslan
30. Puan Nur Amira Lystiani binti Poniman
31. Encik Alwie bin Haji Ali
32. Cik Hawa binti Morsad
33. Encik Razali bin Awi
34. Puan Nora binti Atem
35. Encik Zahari bin Bolhi
36. Encik Lukas Jammany anak Kated
37. Encik Hazrin Syah bin Hamzah
38. Encik Salman bin Jaya
39. Encik Romzi bin Bujang
40. Encik Musa bin Julai
41. Puan Suraya binti Hamden
42. Puan Noraisah binti Ahmad
43. Cik Siti Zalilah binti Samsawi

PELAJAR PRAKTIKAL

1. Encik Mohammad Aizzat Rahman bin Ismail
2. Cik Nurathirah binti Talang
3. Encik Mohammad Naufal bin Sharzalee
4. Encik Alikhan bin Adil Rahman
5. Encik Muhamad Arish Syameer Ruka bin Mohd Hafiz Beckwell

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.26 pagi)

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

DOA

PERISYTIHARAN PERSIDANGAN PERLEMBAGAAN NEGERI SARAWAK

**PERISYTIHARAN MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KETIGA
PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK YANG KE-19**

OLEH TUAN YANG TERUTAMA, TUN PEHIN SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR Darjah Kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.), Darjah Utama Yang Amat Mulia Satria Bintang Sarawak (S.B.S.), Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Panglima Setia Mahkota (P.S.M.), Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Sarawak Panglima Negara Bintang Sarawak (P.N.B.S.), Darjah Gemilang Seri Melaka (D.G.S.M.), Darjah Yang Mulia Jasa Negara Panglima Jasa Negara (P.J.N.), Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Johan Setia Mahkota (J.S.M.), Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Sarawak Johan Bintang Sarawak (J.B.S.), Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Sarawak Pegawai Bintang Sarawak (P.B.S.), Pingat Pemacu Cemerlang Jubli Intan (P.P.C.J.I.) (Emas), Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 21(1) Perlembagaan Negeri Sarawak bahawa Yang di-Pertua Negeri boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, SAYA, TUN PEHIN SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada saya sebagaimana tersebut di atas, **ADALAH DENGAN INI MEMANGGIL** Dewan Undangan Negeri untuk bersidang pada 06 haribulan Mei 2024, jam 9.00 pagi di Dewan Mesyuarat, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching.

DIPERBUAT di bawah tandatangan saya dan Mohor Besar Kerajaan Negeri Sarawak pada 28 haribulan Mac 2024.

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER

Tuan Speaker: Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat pagi dan Salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, dif-dif kenamaan, tuan-tuan, dan puan-puan. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka kita dapat berjumpa lagi di Mesyuarat Pertama bagi Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-19. Saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih atas kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat ke persidangan yang kali ini dan kepada semua yang hadir pada hari ini.

Persidangan kita akan berlangsung selama 8 hari mulai hari ini, Isnin, 6 hingga 15 Mei 2024 kecuali Sabtu, 11 Mei 2024 dan Ahad, 12 Mei 2024. Semoga kita dapat bersidang dalam suasana yang muhibah dan penuh tatatertib. Sidang Dewan yang dihormati sekalian, persidangan kita pada kali ini masih lagi berlangsung dalam bulan Syawal. Suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri masih terasa dan semangat meriahnya masih berterusan. Dengan itu, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua di dalam dan juga di luar Dewan yang mulia ini, maaf zahir dan batin.

Dengan kesempatan ini, Dewan yang mulia ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar atas pelantikan sebagai Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang ke-8 pada 26 Januari 2024. Juga, atas pengurniaan Darjah Kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara yang membawa gelaran Tun pada 26 Januari 2024 dan atas penganugerahan Darjah Satria Bintang Sarawak yang membawa gelaran "*Pehin Sri*" pada 28 Februari 2024.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Dewan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom, mantan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada 5 Mac 2024 yang lepas. Setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau atas sumbangan khidmat bakti yang amat cemerlang semasa bertugas sebagai Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak sejak September 2019 hingga Mac 2024.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Dewan yang mulia ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berusaha Tuan Nur Azhar bin Bujang atas pelantikan sebagai Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak yang baharu pada 28 Mac 2024 yang lepas. Selamat maju jaya dalam menjalankan tugas yang diamanahkan dengan ikhlas dan berdedikasi di Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, I have granted leave of absence under Standing Order 81 to Yang Berhormat Dato Sri Tiong King Sing, Honourable Member for N.52 Dudong for today's Sitting. Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Dewan yang mulia ini juga, saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, mantan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, mantan Ketua Menteri Sarawak dan mantan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Balingian yang telah meninggal dunia pada 21 Februari 2024; dan kepada keluarga Allahyarham Yang Berbahagia Datuk Abdul Ajis bin Abdul Majeed, mantan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Balingian yang telah meninggal dunia pada 27 April 2024. Bagi menghormati kedua-dua Allahyarham, marilah kita bersama-sama berdiri bertafakur selama satu minit untuk membaca Al-Fatihah untuk Allahyarham.

(Bertafakur selama satu minit)

Terima kasih. Sidang Dewan yang dihormati sekalian. Sukacita saya memaklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri akan hadir untuk menyampaikan ucapan kepada sidang Dewan pada pagi ini. Dengan itu, saya menangguhkan mesyuarat Dewan sementara untuk membolehkan saya mengiringi keberangkatan masuk Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi ke dalam Dewan.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 10.37 pagi)

[Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi, diiringi oleh Tuan Speaker, Timbalan Speaker, Setiausaha Dewan, Pemangku Timbalan Setiausaha Dewan dan Bentara Mesyuarat masuk ke Dewan Mesyuarat]

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.50 pagi)

**UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK
TUN PEHIN SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Premier, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah dan kurniaNya, kita dapat bersama lagi pada Istiadat Pembukaan Persidangan Pertama bagi Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sarawak Kesembilan Belas. Harapan saya, semua Ahli-ahli Yang Berhormat menjadikan sesi persidangan kali ini sebagai platform yang efektif dan efisien bagi membentuk masa depan Sarawak yang lebih cerah.

Takziah kepada Keluarga Mantan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak

Tuan Speaker, pada kesempatan ini, saya ingin menyampaikan ucapan takziah kepada seluruh keluarga Almarhum Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, mantan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang telah kembali ke rahmatullah pada 21 Februari 2024 bersamaan 11 Syaaban 1445 Hijrah. Mari kita sama-sama doakan semoga roh Almarhum dicucuri rahmat oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Penghargaan kepada sumbangan Mantan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak

Tuan Speaker, Almarhum Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud merupakan pemimpin ulung yang telah bertanggungjawab terhadap pemodenan Sarawak. Sumbangan Almarhum tidak ternilai, khususnya sepanjang tempoh 33 tahun sebagai Ketua Menteri dan 10 tahun sebagai Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Kepimpinan Almarhum telah berjaya mengubah status ekonomi dan taraf hidup rakyat Sarawak. Sarawak kini merupakan sebuah wilayah yang progresif dengan ekonomi berasaskan industri berteknologi tinggi dan dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur moden.

Sesungguhnya, pemergian Almarhum merupakan satu kehilangan besar kepada Sarawak dan juga kepada Malaysia secara umumnya. Sumbangan Almarhum akan sentiasa kita kenang. Saya percaya, legasi pembangunan Almarhum akan diteruskan oleh barisan kepimpinan Kerajaan Sarawak.

Junjungan Kasih kepada Mantan Yang di-Pertuan Agong yang ke-16

Tuan Speaker, saya ingin merakamkan junjungan kasih yang tidak terhingga kepada mantan Yang di-Pertuan Agong yang ke-16, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, yang telah menaungi dan menerajui negara Malaysia bagi tempoh Januari 2019 sehingga Januari 2024.

Kita merasa bertuah kerana di bawah kepimpinan baginda yang bijaksana, kita telah berjaya mengharungi cabaran getir yang dicitus oleh pandemik COVID-19. Dalam tempoh yang sama, baginda juga telah menyelesaikan kemelut politik yang menjadi asas kepada penubuhan Kerajaan Perpaduan demi kestabilan negara.

Baginda merupakan seorang ketua negara yang berjiwa rakyat, adil dan prihatin terhadap keperluan rakyat pelbagai peringkat. Ini terserlah melalui program Kembara Kenali Borneo apabila baginda dan raja permaisuri berserta anakanda-anakanda baginda telah menjelajah Sarawak dan Sabah pada 3 hingga 13 September 2023.

*Tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim*

Tuan Speaker, pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim atas pelantikan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-17. Saya percaya negara kita akan terus maju, aman dan makmur di bawah kepimpinan baginda yang bijaksana, adil dan berjiwa rakyat.

Menjunjung Kasih atas Perkenan Pelantikan sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak ke-8

Tuan Speaker, saya menjunjung kasih dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas

pelantikan saya sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang ke-8. Insyaa-ALLAH, saya akan memikul amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan amanah dan jujur demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Sarawak.

Penghargaan atas Pelantikan Yang di-Pertua Dewan Negara

Tuan Speaker, setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal, atas pelantikan beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-20. Pelantikan Yang Berhormat Senator merupakan satu penghormatan besar kepada rakyat Sarawak. Saya yakin dengan pengalaman beliau yang luas sebagai pengamal undang-undang dan pernah menjadi ahli Dewan Rakyat, beliau dapat menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan jayanya.

Isu dan Cabaran Global

Tuan Speaker, dalam membangunkan sosioekonomi Sarawak, kita tidak terlepas daripada pelbagai cabaran di peringkat global seperti isu perdagangan antarabangsa, perubahan iklim, konflik dan ketegangan wilayah di beberapa negara, yang memberi kesan kepada perdagangan luar Sarawak. Dalam masa yang sama, kita harus mematuhi standard dan kesepakatan antarabangsa seperti Perjanjian Paris 2015, *Sustainable Development Goals* (SDGs); dan *Environment, Social and Governance* (ESG). Saya memuji Kerajaan Sarawak kerana menitikberatkan kelestarian dalam setiap pembangunan yang dirancang selari dengan matlamat konsep dan falsafah *Sustainable Development Goals* (SDGs); dan *Environment, Social and Governance* (ESG) ke arah mencapai sasaran menjadi wilayah mampan dan kalis masa hadapan. Ini jelas digariskan dalam *Post COVID-19 Development Strategy 2030* (PCDS 2030). Melalui pembangunan lestari yang menitikberatkan keseimbangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus, saya yakin Sarawak akan mampu menarik lebih banyak pelaburan dan membuka peluang perniagaan serta pekerjaan bernilai tinggi untuk rakyat Sarawak.

Tuan Speaker, dunia kini memberi perhatian serius terhadap isu perubahan iklim dengan komitmen untuk mencapai Sasaran Karbon Sifar (*Net Zero*) menjelang 2050. Sarawak komited menyokong sasaran negara Malaysia untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 45% pada tahun 2030 seperti yang termaktub dalam Perjanjian Paris 2015.

Saya bangga kerana Kerajaan Sarawak telah menjadi perintis bagi inisiatif peralihan kepada Tenaga Boleh Baharu (TBB) untuk mengurangkan pelepasan karbon. Ini jelas melalui inisiatif pembangunan tenaga hijau seperti tenaga hidro, solar, *biomass*, *biofuel*, hidrogen dan *Sustainable Aviation Fuel* (SAF) serta pelaksanaan inisiatif Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS).

Usaha Kerajaan Sarawak dalam peralihan tenaga dan perdagangan karbon telah mendapat respon positif daripada pemain industri di peringkat global dan seterusnya akan membuka banyak peluang pelaburan, perniagaan dan pekerjaan baharu di Sarawak.

Tuan Speaker, dalam arus pembangunan masa kini, penggunaan teknologi digital bukan lagi satu pilihan tetapi satu keperluan yang mendesak. Aplikasi teknologi digital seperti *Artificial Intelligence* (AI), *Augmented Reality* (AR), *Virtual Reality* (VR) dan *Mixed Reality* (MR) menjadi tunjang transformasi ekonomi dan sosial serta perubahan gaya hidup di seluruh dunia.

Saya gembira kerana Sarawak kini berada di kedudukan hadapan dalam aspek pembangunan ekonomi digital di Malaysia. Pelaksanaan inisiatif ekonomi digital oleh Kerajaan Sarawak semenjak 2017 telah menunjukkan impak yang positif kepada ekonomi, sosial dan gaya hidup rakyat Sarawak hasil peluasan liputan jalur lebar, peningkatan capaian internet berkelajuan tinggi, pembangunan perusahaan *start-ups* dan aplikasi *e-wallet SPayGlobal*.

Usaha Kerajaan Sarawak untuk memperhebatkan agenda ekonomi digital bagi memacu dan memodenkan ekonomi agar Sarawak terus berkembang dan berdaya saing dalam arena antarabangsa amatlah dipuji. Saya menyeru supaya rakyat mengembangkan kemahiran digital yang diperlukan bagi memanfaatkan teknologi secara produktif untuk meningkatkan taraf sosioekonomi.

Dengan penggunaan teknologi digital yang semakin meluas, saya menyeru agar semua rakyat sentiasa berwaspada dan meningkatkan kesedaran tentang ancaman keselamatan siber. Oleh itu, Kerajaan Sarawak harus mengambil langkah untuk memastikan privasi individu, data dan maklumat sentiasa dilindungi. Dengan itu juga maka ruang lingkup dan perbatasan dari segi undang-undang perlu dikaji dengan teliti untuk keselamatan negeri dan rakyat Sarawak.

Kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Yang Berwawasan

Tuan Speaker, Sarawak sangat bertuah kerana mempunyai pemimpin yang prihatin, komited dan berpandangan jauh seperti Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak.

Beliau telah banyak membawa pendekatan dan idea-idea baru untuk mempercepat dan mengembangkan ekonomi Sarawak. Ini termasuklah inisiatif ekonomi digital, pembangunan pusat data, tenaga hijau dan tenaga boleh baharu, hidrogen; Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon; ekonomi hijau dan ekonomi kitaran.

Kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak telah berjaya menjadikan Sarawak sebagai wilayah berpendapatan tinggi. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier dan pasukan kepimpinan beliau yang membuktikan Sarawak memperolehi pendapatan yang sangat tinggi sejak beberapa tahun lalu. Sarawak juga kini menjadi pemain global dan sudah dikenali di seluruh pelosok dunia.

Melalui *Post COVID-19 Development Strategy 2030* yang merupakan cetusan minda Yang Amat Berhormat Premier Sarawak mempunyai hala tuju pembangunan yang jelas ke arah menjadi wilayah maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2030 berteraskan "*Kemakmuran Ekonomi, Keterangkuman Sosial dan Kemampunan Alam Sekitar*".

Kemakmuran Ekonomi

Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier kerana ekonomi Sarawak terus berkembang dan merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada ekonomi Malaysia selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan melepasi ekonomi Johor. Ini adalah hasil pelaksanaan pelbagai inisiatif, program dan projek berimpak tinggi dalam pelbagai sektor ekonomi. Saya yakin dengan adanya pelan pembangunan strategik yang jelas dan inklusif, ekonomi Sarawak akan terus maju dan muncul sebagai penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia.

Saya bangga, Sarawak telah diiktiraf oleh Bank Dunia sebagai sebuah wilayah berpendapatan tinggi. Ini menggambarkan kemakmuran ekonomi yang dicapai hasil daripada pelbagai inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak. Saya berharap kemakmuran ekonomi ini dapat dikecapi oleh setiap lapisan masyarakat. Oleh itu, usaha Kerajaan Sarawak untuk meningkatkan pendapatan isi rumah amatlah bertepatan selaras dengan objektif keterangkuman sosial.

Keterangkuman Sosial

Tuan Speaker, kedudukan geografi Sarawak yang luas merupakan satu cabaran besar dalam pembangunan dan penyediaan perkhidmatan yang cekap kepada rakyat di setiap pelosok wilayah. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membawa pembangunan dan perkhidmatan kepada setiap rakyat walau di mana mereka berada.

Saya yakin rancangan pembangunan di bawah *Post COVID-19 Development Strategy 2030* (PCDS 2023) yang berteraskan keterangkuman sosial, tiada rakyat akan terpinggir dalam arus pembangunan. Projek berimpak tinggi dan bersifat *people-centric* di bawah Projek Transformasi Luar Bandar dan Projek Rakyat sudah pasti akan meningkatkan taraf hidup dan menjaga kebajikan rakyat, khususnya di kawasan luar bandar. Saya berharap semua pihak boleh memainkan peranan agar agenda ini disokong supaya berupaya mengurangkan jurang pendapat masyarakat bandar dan luar bandar. Saya menyeru kepada semua pihak terlibat memastikan projek-projek dapat dilaksanakan dan disiapkan demi kepentingan semua lapisan rakyat.

Kemampanan Alam Sekitar

Tuan Speaker, dalam keadaan sumber semula jadi yang semakin terhad dan kesan perubahan iklim, perancangan pembangunan perlu dibuat secara holistik dengan mengambil kira keseimbangan keperluan masa kini dan masa hadapan. Pembangunan Sarawak hendaklah menitikberatkan kelestarian alam sekitar bagi memastikan kelangsungan sumber semula jadi untuk jangka panjang.

Saya gembira kerana Kerajaan Sarawak telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memelihara dan memulihara alam sekitar. Antara lain, ini jelas melalui inisiatif pengurusan hutan mampan melalui pewartaan *Totally Protected Areas (TPAs)* yang merangkumi Taman Negara, Santuari Hidupan Liar dan Rizab Semula jadi.

Dalam usaha untuk memastikan kemampanan alam sekitar juga, langkah Sarawak meluluskan undang-undang berkenaan dengan pelepasan Gas Rumah Hijau iaitu *Environment (Reduction of Greenhouse Gases Emission) Ordinance, 2023* adalah bertepatan. Di samping itu, saya bangga kerana Sarawak juga mempelopori pembangunan sistem pengangkutan awam yang dijana oleh tenaga hidrogen hijau yang melepaskan sifar karbon. Saya berharap semua pihak mengambil berat perihalan alam sekitar dalam semua aspek perancangan pembangunan di Sarawak.

Kestabilan Politik

Tuan Speaker, kestabilan politik adalah tonggak kepada kesinambungan perancangan dan pembangunan ekonomi Sarawak serta menjamin kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Politik yang stabil sangat penting dalam usaha kita untuk menarik pelaburan asing sebagai pemangkin ekonomi Sarawak.

Sarawak bertuah kerana mempunyai barisan kepimpinan yang sentiasa mengutamakan agenda pembangunan walaupun mempunyai kepelbagaian latar belakang dan fahaman politik. Kita memerlukan Kerajaan Sarawak yang kukuh untuk memastikan kestabilan politik bagi menjamin kesejahteraan rakyat di samping memantapkan prestasi ekonomi Sarawak dalam jangka masa panjang.

Saya menyeru semua pihak agar terus bekerjasama, berganding bahu dan bersatu hati untuk mengekalkan kestabilan politik demi keharmonian Sarawak dan kepentingan rakyat. Kejayaan dan kemajuan yang kita nikmati selama ini adalah hasil daripada toleransi politik antara pelbagai pihak berserta inisiatif pembangunan yang telah dilaksanakan. Kestabilan politik akan terus menjadi tunjang kepada kita untuk maju dan mencapai lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

Perkhidmatan Awam Kerajaan Sarawak

Tuan Speaker, Perkhidmatan Awam adalah nadi penggerak kepada agenda pembangunan Sarawak bagi mencapai visi menjadi wilayah maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2030. Dalam masa yang sama, perkhidmatan awam merupakan jentera kerajaan yang berperanan menyediakan perkhidmatan dan melaksanakan projek-projek untuk manfaat rakyat Sarawak.

Saya menyeru semua penjawat awam Sarawak supaya terus memberikan perkhidmatan yang cekap dan efisien kepada rakyat. Dalam proses penyampaian perkhidmatan, kita harus mengamalkan prinsip kerja berintegriti dan profesional supaya penyampaian perkhidmatan dilakukan secara telus dan inklusif.

Perpaduan dan Keharmonian

Tuan Speaker, Sarawak terkenal di seluruh Malaysia sebagai model "*Perpaduan Dalam Kepelbagaian*" dengan rakyatnya hidup dalam suasana aman, damai dan harmoni. Perpaduan merupakan tonggak keharmonian dan kekukuhan ekonomi Sarawak.

Janganlah kita lupa, perpaduan kukuh dan keharmonian yang kita nikmati pada hari ini adalah hasil toleransi dan sikap saling menghormati antara rakyat Sarawak yang berbilang kaum, agama dan latar belakang budaya.

Saya menyeru semua pihak untuk terus memelihara perpaduan dan keharmonian di Sarawak. Kita haruslah menghormati antara satu sama lain dan elakkanlah daripada menyentuh perkara berkaitan sensitiviti agama, kaum dan budaya masing-masing.

Hubungan Akrab Sarawak dan Persekutuan

Tuan Speaker, hubungan akrab antara Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan merupakan satu ramuan pembangunan yang sangat penting. Dalam usaha kita untuk memajukan Sarawak, kerjasama rapat antara Sarawak dan Putrajaya sangat penting, khususnya bagi memastikan keselarasan dasar dan polisi pembangunan demi kepentingan Sarawak.

Sarawak memerlukan jumlah peruntukan yang besar daripada Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan pelbagai projek dan program pembangunan. Dalam hal ini, saya menyeru supaya Kerajaan Persekutuan akan terus menyediakan peruntukan pembangunan yang secukupnya selaras dengan hak dan status Sarawak sebagai sebuah wilayah.

Pengembalian hak-hak Sarawak yang termaktub di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) adalah perkara yang sangat dekat di hati saya. Saya menyeru Kerajaan Sarawak untuk terus menuntut hak-hak yang terhakis supaya dikembalikan semula kepada Sarawak dan yang belum dilaksanakan seperti yang dijanjikan di dalam Perjanjian Malaysia tersebut dilaksanakan segera selaras dengan semangat Perjanjian Malaysia itu sendiri, Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang.

Kita amat menghargai komitmen Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia yang telah membentuk Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia dan Jawatankuasa Teknikal sebagai platform untuk membincangkan tuntutan Sarawak.

Saya yakin, dengan kerjasama rapat dan keakraban Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan, semua hak dan tuntutan Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia dapat direalisasikan.

Sokongan Kerajaan Persekutuan untuk Meneruskan Pembangunan di Sarawak

Tuan Speaker, dalam usaha untuk meneruskan pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur Sarawak, kita memerlukan komitmen Kerajaan Persekutuan yang berterusan. Ini khususnya dalam aspek pendidikan, kesihatan, keselamatan, pembangunan sempadan dan jaringan jalan raya utama.

Saya memuji komitmen tinggi Kerajaan Sarawak untuk menyediakan kemudahan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti untuk rakyat Sarawak. Saya gembira kerana Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dengan pendekatan Kerajaan Sarawak untuk membina dan membiayai terlebih dahulu projek-projek pendidikan dan kesihatan, dan akan dibayar balik oleh Kerajaan

Persekutuan. Melalui pendekatan ini, pembangunan kemudahan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan di Sarawak dapat dipercepatkan.

Pembangunan keselamatan sempadan adalah antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan. Ini termasuklah pembinaan dan naik taraf kemudahan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) serta pos-pos kawalan sempadan di antara Sarawak dengan negara Brunei Darussalam dan Kalimantan, Indonesia. Kemudahan ini sangat penting bagi menjamin keselamatan negara serta memudahkan kawalan pergerakan barangan dan pelawat bagi mengoptimumkan aktiviti ekonomi rentas sempadan.

Sarawak juga memerlukan sokongan dan peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan infrastruktur seperti jaringan jalan raya utama, projek tebatan banjir, kawalan hakisan sungai dan pantai serta kemudahan telekomunikasi, bekalan air dan elektrik.

Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan terus komited dalam melaksanakan projek pembangunan infrastruktur asas di Sarawak bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat dan menjadi pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi.

Sarawak Tuan Rumah Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-21 2024

Tuan Speaker, saya berbesar hati kerana Sarawak telah diberi penghormatan untuk menganjurkan Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 pada tahun ini. Saya yakin Sarawak mampu menggalas tanggungjawab sebagai tuan rumah bagi temasya sukan terbesar di Malaysia ini.

SUKMA adalah medan pembangunan bakat muda dalam pelbagai acara sukan. Inilah peluang untuk anak-anak Sarawak mempamerkan potensi, bakat dan kecemerlangan dalam sukan.

Saya berharap melalui SUKMA kali ini, atlet kita dapat mempamerkan prestasi cemerlang untuk mengharumkan nama Sarawak. Kepada kontinjen Sarawak, berjuanglah dengan semangat kesukanan yang tinggi dan buktikanlah bakat anak Sarawak di peringkat kebangsaan dan seterusnya peringkat antarabangsa.

Saya juga menyeru kepada semua pihak yang terlibat untuk bekerjasama dan berganding bahu bagi memastikan penganjuran SUKMA ini berjalan dengan jayanya.

Penutup

Tuan Speaker, masa depan Sarawak adalah terletak di tangan semua, khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang merupakan penggubal dasar dan undang-undang. Saya menyeru agar Ahli-ahli Yang Berhormat pada persidangan kali ini untuk berbahas secara berhemah dan produktif bertunjangan kepada pembangunan sosioekonomi rakyat dan masa depan Sarawak.

Tuan Speaker, kita masih di bulan Syawal. Dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada masyarakat yang beragama Islam.

Tidak lama lagi, kita akan menyambut Hari Gawai Dayak. Kepada masyarakat Dayak, saya ucapkan Selamat Hari Gawai, *Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menua*.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Persidangan Pertama bagi Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-19.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[Bacaan Doa oleh Sahibul Fadilah, Imam Besar Negeri Sarawak]

PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Speaker: Sidang Dewan yang dihormati sekalian. Bagi pihak Dewan yang mulia ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas ucapan dan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kesembilan Belas pada pagi ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi bergambar untuk semua Ahli Yang Berhormat bersama-sama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak akan diadakan di anjung hadapan bangunan sejurus selepas majlis jamuan tengah hari.

Dewan akan bersidang semula pada pukul 9.00 pagi, esok pagi, Selasa 7 Mei 2024.

[Keberangkatan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi meninggalkan Dewan Mesyuarat]

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.30 pagi)

**LAPORAN/ PENYATA KEWANGAN, 'COMMAND PAPERS', 'HANSARD' DAN
'VOTES AND PROCEEDINGS' YANG DIBENTANG PADA 06 MEI 2024**

PREMIER SARAWAK

1/2024	The Board of Trustees of Yayasan Sarawak – Financial Statement for the year ended 31 st December 2022
2/2024	Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman – Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
3/2024	Regional Corridor Development Authority (RECODA) – Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
4/2024	Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Front End-Engineering Trust Fund bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
5/2024	Bintulu Development Authority (BDA) – Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
6/2024	Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) – Financial Statement for the year ended 31 st December 2022
7/2024	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak bagi tahun 2022
8/2024	Pustaka Negeri Sarawak – Laporan Tahunan 2022
9/2024	Pustaka Negeri Sarawak – Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI BARU

10/2024	Second Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure for the year 2023 (Cmd. 1 of 2024)
11/2024	Memorandum on the Second Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure for the year 2023 (Cmd. 2 of 2024)
12/2024	Second Supplementary Estimates of Development Expenditure for the year 2023 (Cmd. 3 of 2024)
13/2024	Memorandum on the Second Supplementary Estimates of Development Expenditure for the year 2023 (Cmd. 4 of 2024)
14/2024	First Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure for the year 2024 (Cmd. 5 of 2024)
15/2024	Memorandum on the First Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure for the year 2024 (Cmd. 6 of 2024)
16/2024	Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sarawak Tahun 2022: Aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak
17/2024	Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sarawak Tahun 2022: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/ Agensi Negeri
18/2024	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak 2022

MENTERI INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN

19/2024	Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Unallocated Stores Trust Fund bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
20/2024	Audited Statement of Accounts for Kuching Port Authority for the year ended 31 st December 2022
21/2024	Audited Statement of Accounts for Rajang Port Authority for the year ended 31 st December 2022
22/2024	Audited Statement of Accounts for Miri Port Authority for the year ended 31 st December 2022
23/2024	Audited Statement of Accounts for Tanjung Manis Port Authority for the year ended 31 st December 2022
24/2024	Audited Statement of Accounts for Samalaju Port Authority for the year ended 31 st December 2022
25/2024	Penyata Kewangan Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

MENTERI KESIHATAN AWAM, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

26/2024	Laporan Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Housing Loan Trust Account for Low Income Group bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
27/2024	Laporan Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Longhouse Loan for Low Income Group Trust Fund bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
28/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Bandaraya Miri
29/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Perbandaran Sibul
30/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Perbandaran Padawan
31/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Bau
32/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Lundu
33/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Perbandaran Kota Samarahan
34/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Serian
35/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Simunjan
36/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Sri Aman
37/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Lubuk Antu
38/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Betong
39/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Saratok

40/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Luar Bandar Sibu
41/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Kanowit
42/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Dalat dan Mukah
43/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Marudi
44/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Subis
45/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Limbang
46/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Lawas
47/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Sarikei
48/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Maradong dan Julau
49/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Matu dan Daro
50/2024	Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 – Majlis Daerah Kapit

MENTERI BELIA, SUKAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

51/2024	Penyata Kewangan Perbadanan Sukan Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
---------	--

MENTERI PENGANGKUTAN

52/2024	Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Dana Boya dan Api Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
53/2024	Lembaga Sungai-sungai Sarawak – Laporan Tahunan 2022 dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

MENTERI UTILITI DAN TELEKOMUNIKASI

54/2024	Kuching Water Board – Annual Report 2022
55/2024	Sibu Water Board – Annual Report 2022

MENTERI PENDIDIKAN, INOVASI DAN PEMBANGUNAN BAKAT

56/2024	Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak (SRDC) – Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
---------	--

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

57/2024	Penyata Rasmi Mesyuarat Kedua bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Sarawak Kesembilan Belas (20 – 29 November 2023)
58/2024	Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat (Votes and Proceedings) Mesyuarat Kedua bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Sarawak Kesembilan Belas (20 – 29 November 2023)
59/2024	Pertanyaan-pertanyaan Bukan Lisan Mesyuarat Kedua bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Sarawak Kesembilan Belas (20 – 29 November 2023)